Sementara itu, Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Belihoi, Minah Ujang, 53, berkata insiden itu turut menyebabkan beberapa penduduk mengalami sesak nafas dan pedih mata.

"Pagi semalam, ada beberapa penduduk memaklumkan ternampak pembuangan sisa bahan kimia di tebing sungai itu. Ia menyebabkan bau busuk di kawasan berhampiran malah ada penduduk yang mengalami sesak nafas.

"Bagaimanapun, gejala sesak nafas itu hanya berlaku dalam tempoh singkat dan berakhir sebaik pihak berkuasa melakukan kerja pembersihan.

"Walaupun pencemaran itu tidak masuk ke kawasan sungai terletak di kampung ini, penduduk kesal dengan tindakan pihak tidak bertanggungjawab membuang sisa berkenaan di kawasan itu," katanya.

BH semalam melaporkan, kesan tompokan minyak dipercayai bahan kimia dan bangkai ikan dikesan di anak sungai berhampiran Jalan Batu 14, Mantin di sini pada jam 5.35 pagi.